



# BORANG PROGRAM

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

**MESYUARAT/BENGKEL:** Executive Talk 2019

**TARIKH** : 27 Februari 2019 (Rabu)

**MASA** : 2.30 petang hingga 5.00 petang

**TEMPAT** : Casa Lagenda Convention Centre (CLCC)

### PENGERUSI

**MESYUARAT/PENCERAMAH** : **YAA TUAN ABAS BIN NORDIN**

### ULASAN MESYUARAT/CATATAN:

Riwayat daripada al-Baihaqi, 4 Prinsip Bekerja yang diajar oleh Rasulullah S.A.W:

- 1- Bekerja secara halal
  - 2- Bekerja agar tidak membebankan orang lain
  - 3- Bekerja untuk mencukupkan keperluan keluarga
  - 4- Meringankan beban hidup tetangga (untuk membantu orang lain contohnya ahli keluarga/saudara/jiran)
- Perkhidmatan Utama jabatan adalah penyelesaian kes sama ada kes Mal atau Jenayah, Sulh, kes-kes dikendalikan secara Hakam, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan Faraid yang melibatkan Unit Perundangan Syariah.
  - Sumbangan dan komitmen semua pegawai dan kakitangan ke arah pelaksanaan kes dengan cara yang terbaik, niat kerana Allah S.W.T.
  - Kebijaksanaan pegawai dan kakitangan dalam mengendalikan penyelesaian kes melibatkan orang awam.
  - Sokongan dan komitmen daripada semua unit di jabatan dalam memastikan perkhidmatan utama berjalan lancar dan dilaksanakan dengan baik.

Perkongsian usaha jabatan untuk menambahbaik/menambah nilai jabatan:

- 1- Pembangunan Infrastruktur – dalam proses untuk pembinaan Mahkamah Tinggi Syariah/Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jempol, terbaharu yang sedang diusahakan ialah tapak Mahkamah Rendah Syariah Port Dickson (perkembangan tapak mahkamah daerah)
- 2- Mengukuhkan perjawatan di Kehakiman Syariah- yang terkini, telah diadakan rundingan 3 penjur, mendapat respon yang sangat positif dari JPA dan SUK.

- 3- Pengukuhan kerjaya- menggalakkan kakitangan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi
- 4- *Smart Partnership*-usaha berterusan mengekalkan hubungan baik dengan agensi-agensi lain, kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan istana.

## **HASRAT YAA**

### **1) Penambahbaikan dalam Pengurusan Kes**

- Perbincangan lanjut untuk penambahbaikan pengurusan kes akan dibincang di dalam Mesyuarat Pengurusan.
- Matlamat jabatan adalah menurunkan jumlah Aduan Awam kerana aduan yang bertambah akan memberi imej yang buruk kepada Jabatan.

### **2) Perkhidmatan Kaunter**

- Kaunter adalah merupakan *Front liner* iaitu barisan hadapan jabatan. Setakat ini perkhidmatan kaunter di jabatan ini memuaskan hati dan amat baik.

### **3) Penambahbaikan Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran**

- Pada tahun ini, buat julung-julung kalinya persidangan ketua-ketua jabatan telah diadakan. Hasil persidangan tersebut SOP-SOP akan dibina seperti yang diarahkan oleh Kewangan Negeri seperti SOP Perolehan dan SOP Sebut Harga.

### **4) Penambahbaikan berkaitan Pencapaian Audit di Jabatan ini.**

- Banyakkan pencapaian yang baik yang dapat capai pada tahun ini.

### **5) Inovasi & Kreativiti**

- Diputuskan supaya setiap unit di ibu pejabat dan daerah memberikan satu cadangan inovasi seperti pengurusan kerja dan sebagainya untuk dikemukakan dalam satu cadangan di dalam Mesyuarat Pengurusan akan datang.

**Tindakan : Ketua Unit / Daerah**

- Mohon semua Pegawai dan Kakitangan dapat memberi cetusan idea kerana tanpa sedar, walau idea itu nampak kecil dan ringkas tetapi ia dapat memberi impak yang sangat besar.

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NAMA PEGAWAI : NURUL AKMAR BINTI MOHAMAD HILMI**  
**JAWATAN : PEGAWAI SULH**  
**TARIKH : 4/3/2019**

DAN

**NAMA PEGAWAI : NURUL FADHLINA BINTI CHE DAUD**  
**JAWATAN : PEGAWAI SULH**  
**TARIKH : 4/3/2019**

**DISEMAK OLEH:**

**NAMA PEGAWAI : PUAN RUZITA RAMLI**  
**JAWATAN : KETUA PENDAFTAR JKSN**  
**TARIKH : 4/3/2019**